JPPM/2026/18

KENYATAAN MEDIA

SANTUNI MADANI JPPM PERUNTUK RM100,000 BAGI DUA PROJEK DI KAMPUNG SKIM COCOS

KUNAK, 10 Oktober - Sejumlah RM100,000 diperuntukkan bagi pelaksanaan dua projek utama di Kampung Skim Cocos, Kunak, Sabah menerusi Program Santuni MADANI Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Tahun 2026. Peruntukan tersebut merangkumi RM50,000 bagi pemasangan lampu solar dan RM50,000 bagi pembaikan padang bola untuk manfaat penduduk setempat.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Zulfikar bin Ahmad, Ketua Pengarah JPPM bertempat di Kampung Skim Cocos, hari ini.

Kedua-dua projek dikenal pasti melalui perbincangan bersama penduduk serta penelitian terhadap keperluan setempat. Pemasangan lampu solar memberi tumpuan kepada pencahayaan di kawasan strategik kampung bagi memudahkan pergerakan penduduk dan meningkatkan keselamatan, khususnya pada waktu malam.

Pembaikan padang bola pula bertujuan menyediakan ruang sukan dan rekreasi yang lebih selamat serta kondusif. Kemudahan ini diharap dapat menyokong aktiviti kecergasan, pembangunan bakat belia dan program kemasyarakatan.

Pelaksanaan program ini selaras dengan pendekatan Satu Pemimpin, Satu Kampung yang menekankan libat urus berterusan bagi memahami keperluan masyarakat dan menyelaras tindakan susulan. Usaha ini turut menyokong peranan JPPM di bawah Kementerian Dalam Negeri dalam memperkukuh kesejahteraan serta keharmonian komuniti.

Dalam ucapannya, Ketua Pengarah JPPM turut menekankan bahawa pembangunan kampung perlu merangkumi pembangunan insan, pendidikan dan peluang pendapatan selain penyediaan kemudahan fizikal. Penekanan ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat, nilai ihsan dan pembangunan mampan, sebagaimana diterjemahkan melalui Program Santuni MADANI. Pertubuhan berdaftar turut digalakkan menggerakkan aktiviti kebajikan, sukan dan kesukarelawanan bagi memperkukuh hubungan serta keharmonian komuniti.

"JPPM akan terus bekerjasama dengan Pejabat Daerah Kunak dan kepimpinan kampung untuk menyelaras pelaksanaan kedua-dua projek. Penekanan diberikan kepada pengurusan peruntukan yang telus, pemantauan kemajuan dan maklum balas penduduk supaya kemudahan yang dirancang memenuhi keperluan komuniti." katanya.

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
10 OKTOBER 2026

-TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
ukom@ros.gov.my

Pautan *google drive* gambar
sekitar Majlis Perasmian Santuni MADANI JPPM 2026

https://drive.google.com/drive/folders/10CDsO_yCNY7g3OigDh2WvL9VBZuMggOx?usp=sharing

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
ukom@ros.gov.my